

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 27.11.2014

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha penubuhan Sekolah Wawasan yang pernah diperkenalkan Kementerian dan setakat mana kejayaan penubuhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Wawasan adalah sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Di bawah konsep ini, dua atau tiga buah sekolah rendah berlainan aliran akan ditempatkan dalam kawasan yang sama. Tiap-tiap buah sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu dengan lain dengan menggunakan jambatan penghubung (*link-way*).

Sekolah Wawasan ini telah berjaya mencapai objektif penubuhannya untuk mewujudkan sistem persekolahan berteraskan konsep perpaduan di mana:-

- a) Murid-murid daripada ketiga-tiga aliran sekolah tersebut dapat berkomunikasi antara satu sama lain dalam bahasa Malaysia.
- b) Murid-murid dapat memahami dan menghayati budaya dan makanan kaum lain.
- c) Para guru dapat bertukar-tukar idea dan pandangan antara satu sama lain untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ke arah peningkatan akademik murid.

Sehingga kini, terdapat enam (6) buah kompleks Sekolah Wawasan iaitu dua (2) di Perak dan masing-masing satu (1) di Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berhasrat untuk memperluaskan konsep ini kerana tidak mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada masyarakat Cina. Dalam enam (6) buah sekolah wawasan yang diwujudkan hanya satu (1) sahaja yang dapat penyertaan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Sehubungan dengan itu, KPM akan menilai dan mengkaji secara terperinci berkaitan dengan integrasi nasional ini jika Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan konsep ini pada masa hadapan.